



[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Ulrich Kratz (dari kiri), Ding Choo Ming, Pauline Fan, Datuk Seri Al Azhar, Dr Farouk Yahya dan Huism ketika sesi Panel Dwibahasa: Mahakarya Nusantara-Naskhah, Hikayat dan Epik pada Festival Bahasa dan Persuratan Melayu Nusantara 2017 di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

Khazanah manuskrip Melayu Nusantara

➔ Perpustakaan Negara Singapura pamer koleksi seawal abad ke-18

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bahasa Melayu mencapai kegemilangan sebagai lingua franca yang bukan hanya menjurus bahasa perdagangan, bahkan diplomatik dan persuratan dalam tempoh berabad-abad lamanya.

Ribuan naskhah manuskrip Melayu dihasilkan dalam tulisan Jawi pelbagai genre yang merentas daripada syair dan hikayat hingga amalan perubatan, kitab agama serta naskhah undang-undang.

Sesuai dengan kedudukan manuskrip Melayu sebagai testimoni pemikiran dan pengetahuan orang Melayu,

penjajah Barat berusaha memungkah khazanah manuskrip seawal penghujung abad ke-18 untuk memahami dan mempelajari bahasa Melayu, serta menakluk alam Melayu.

Sejarah penjajahan terlalu panjang di alam Melayu, malah ribuan manuskrip sudah lama menjadi milik orang sehingga tidak hairanlah manuskrip Melayu hari ini berada di 28 negara di seluruh dunia.

Meskipun Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mempunyai koleksi manuskrip Melayu terbesar di dunia, masih banyak manuskrip Melayu disimpan di British Library, Royal Asiatic Society, Britain dan Perpustakaan Universiti Leiden di Belanda.

Peradaban Melayu

Peluang untuk kembali memiliki himpunan manuskrip ini memang tidak ada, namun ruang untuk menyaksikan sendiri kehebatan peradaban Melayu silam terbuka luas menerusi pameran *Tales of the Malay World: Manuscripts and Early Books* yang berlangsung di Perpustakaan Negara Singapura sejak 18 Ogos lalu.

Timbalan Pengarah Pengisian dan Perkhidmatan, Perpustakaan Negara Singapura, Tan Huism, berkata pameran itu menghimpunkan koleksi manuskrip Melayu dalam simpanan mereka selain koleksi yang dipinjam dari Britain dan Belanda.

Syair Perang Mengkasar syair tertua

"Pameran ini adalah peluang terbaik untuk mendekati koleksi manuskrip Melayu selain buku yang dicetak pada abad ke-18 dan awal abad ke-20.

"Singapura pernah menjadi hab percetakan buku Melayu terawal dan peranan Abdullah Munsyi dalam hal ini sangat besar.

"Penceritaan mengenai Abdullah Munsyi turut melengkapkan lagi pameran ini," katanya pada Forum Mahakarya Nusantara-Naskhah, Hikayat dan Epik di Shah Alam, baru-baru ini.

Pameran yang berlangsung hingga 25 Februari 2018 itu menghimpunkan 140 item dengan koleksi tertua ialah *Syair Perang Mengkasar* yang disalin pada 1710 di Ambon. Manuskrip itu ialah koleksi yang di-

pinjam daripada Perpustakaan Universiti Leiden.

Huism berkata, pameran itu turut mengetengahkan sebuah manuskrip yang dipercayai ditulis oleh seorang wanita.

Manuskrip abad ke-18 itu, *Syair Abdoel Moeloek (Syair Abdul Muluk)* dikatakan dihasilkan oleh adik perempuan Raja Ali Haji, iaitu Saleha.

Kisah wanita bebaskan suami

Syair itu menceritakan usaha seorang wanita untuk membebaskan suaminya daripada tahanan sultan kerajaan Hindustan. Syair ini mempunyai beberapa cetakan dan salinan.

Satu hal yang menarik, kebanyakan naskhah manuskrip Melayu mempunyai ragam hias yang dapat memperjelaskan persekitaran sezaman.

Antara ragam hias paling menarik adalah manuskrip berasal dari Pulau Pinang, *Taj al-Salatin*.

Dikatakan dipengaruhi ragam hias Asia Barat, ia dipercayai dihasilkan oleh Bukhari Al Jauhari dari Aceh pada abad ke-17. Manuskrip itu koleksi milik British Library.